

24 JUL 2004

Abdullah-Keganasan

USAHA MEMERANGI KEGANASAN DI ASIA TENGGARA SUDAH BERJAYA: ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata usaha memerangi keganasan di Asia Tenggara telah berjaya.

"Saya percaya kita telah menang...tak sepenuhnya, tetapi kita memberi sepenuh tumpuan dan percaya tidak lama lagi kita akan melihat lenyapnya ancaman," katanya dalam temubual dengan stesen televisyen BBC hari ini.

Abdullah yang sedang melawat Britain, berkata satu hari nanti dunia akan sedar bahawa Asia Tenggara adalah sebuah rantau yang aman.

"Saya tidak mahu menetapkan hari untuk mengisytiharkan kemenangan tetapi apabila kita mencapai sesuatu dan semua dunia tahu bahawa rantau ini aman dan tiada lagi insiden yang boleh dianggap sebagai masalah, maka waktu itu orang akan tahu tiada lagi masalah," katanya.

Abdullah berkata Malaysia telah berjaya mematahkan kegiatan kumpulan Jemaah Islamiah (JI) walaupun kumpulan itu masih belum dimusnahkan.

"Saya tidak mengatakan mereka telah dapat dimusnahkan, tetapi kita telah dapat mengawal keadaan," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia dan Indonesia berbeza pandangan terhadap masalah JI berdasarkan kepada situasi masing-masing.

"Tetapi kita tahu ada elemen kumpulan itu masih bergerak di Indonesia dan Indonesia sedang berusaha mengesan mereka," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata kerajaan Malaysia mengamalkan ajaran Islam secara sederhana, menghormati rakyat penganut agama lain dan bersedia untuk bekerjasama dan berkongsi kuasa.

Ini merupakan Islam progresif yang diamalkan di negara kami, katanya dan menurutnya: "Islam adalah sebuah agama yang mementingkan kemajuan dan tidak antikemajuan...Islam menggalakkan kemajuan dalam semua bidang."

Abdullah berkata perdana menteri sebelumnya, Tun Dr Mahathir Mohamad, telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan

rakyat
penganut agama lain di Malaysia menerimanya tanpa sebarang masalah.

Penjelasan diberikan kepada mereka bahawa Malaysia dianggap sebagai sebuah negara Islam berdasarkan pengiktirafan terhadap pelbagai pencapaiannya selama ini tetapi ia tidak bermakna yang orang bukan Islam merupakan warganegara kelas kedua.

"Tidak wujud warganegara kelas kedua, kami penduduk Islam Malaysia, menganggotai Umno kerana Umno adalah sebuah parti orang Melayu, dan semua orang Melayu adalah Islam dan kami berkongsi kuasa dengan penganut agama lain dan lain-lain kaum etnik.

"Perkongsian kuasa ini amat kukuh dan kami benar-benar komited dengan perkongsian kuasa ini...dan kami malahan bersetuju untuk meletakkan calon-calon bukan Islam di kawasan yang majoriti pengundinya adalah orang Islam dan mereka menang," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan beliau akan meminta Yang di-Pertuan Agong mengampunkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang didapati bersalah mengamalkan rasuah dan kesalahan liwat, Abdullah berkata beliau tidak bercadang untuk campurtangan kerana ia merupakan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan melibatkan proses kehakiman.

-- BERNAMA
AFY KIA RHM